isentia
AUTHOR: No author available SECTION: NEWS PAGE: 20 PRINTED SIZE: 149.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 1,467.00 ITEM ID: MY0051506293



15 FEB, 2023

Festira Selangor buka 500 rerurai

SelangorKini, Malaysia



# Festira Selangor buka 500 rerurai

**SHAH ALAM -** Festival Ramadan Selangor (Festira) tahun ini dijangka meriah kerana tiada lagi tatacara operasi piawai (SOP) yang perlu dipatuhi bagi mencegah perebakan Covid-19.

Ketua pegawai eksekutif PKNS Real Estate Sdn Bhd (PREC) berkata sebanyak 500 rerurai ditawarkan dan pihaknya membuka tempahan tapak sejak awal tahun ini kepada peniaga sedia ada.



Menurut Fakru Radzi Ab Ghani, sambutan yang diterima sangat menggalakkan dengan baki jualan tapak akan dibuka kepada peniaga luar bermula bulan ini.

"Setakat ini, kita terima sambutan yang amat baik daripada peniaga yang menjual pelbagai jenis barangan. Kita juga belum memutuskan sama ada akan menambah kawasan jualan atau pun tidak.

"Semua ini bergantung kepada sambutan pengunjung pada program Jelajah Agrotourism di pusat beli-belah SACC Mall hujung minggu ini," katanya pada 3 Februari.

Beliau menjelaskan kadar sewa masih sama dan undian akan dilaksanakan bagi menentukan lokasi tapak perniagaan masing-masing.

"Festival ini antara lain bertujuan menyokong agenda Kerajaan Negeri dalam usaha membantu peniaga kecil menjana pendapatan," katanya.

Pada 2021, festival ini turut dianjur secara dalam talian menerusi BazaarLokal.com bagi menarik perhatian penduduk luar Selangor.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

AUTHOR: No author available SECTION: NEWS PAGE: 20 PRINTED SIZE: 149.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 1,467.00 ITEM ID: MY0051506293



15 FEB, 2023

# Festira Selangor buka 500 rerurai

SelangorKini, Malaysia



## SUMMARIES

SHAH ALAM - Festival Ramadan Selangor (Festira) tahun ini dijangka meriah kerana tiada lagi tatacara

Menurut Fakru Radzi Ab Ghani, sambutan yang diterima sangat menggalakkan dengan baki jualan tapak

operasi piawai (SOP) yang perlu dipatuhi bagi mencegah perebakan Covid-19. Ketua pegawai eksekutif PKNS Real Estate Sdn Bhd (PREC) berkata sebanyak 500 rerurai ditawarkan dan pihaknya

akan dibuka kepada peniaga luar bermula bulan ini.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.